

HARI : SELASA
 TARIKH : 9/7/2019
 M/SURAT : 2



DR. MAHATHIR MOHAMAD mengendalikan sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam. Turut hadir, Anwar Ibrahim, Muhyiddin Yassin, Lim Guan Eng dan Mohamad Sabu. - BERNAMA

Cukup 4 parti Melayu

Oleh YULPISSMAN ASLI
 dan SOFIAN BAHAROM
 pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 8 JULAI

TUN Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan, pelawaannya agar semua parti Melayu menyertai Bersatu bukan bersifat rasis sebaliknya untuk menyelamatkan semua orang.

Perdana Menteri yang juga Pengurus Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu mengakui beliau teruk kena belasah akibat membuat pelawaan itu dan menjelaskan, orang Melayu tidak perlu ménubuhkan lebih banyak parti semata-mata kerana berasa seronok menjadi presiden.

Beliau berpendapat, empat parti Melayu sedia ada iaitu UMNO, Pas, Bersatu dan Parti Amanah Negara (Amanah) sudah memadai bagi memperjuangkan nasib orang Melayu.

“Sebenarnya saya telah terangkan bahawa orang Melayu ni dia tak pandai politik. Dia seronok nak jadi presiden, bila nak jadi presiden, dia buka parti. Semakin lama semakin banyak parti, Jadi lama-lama

orang Melayu tak ada kuasa langsung.

“Sudah ada empat parti Melayu, cukuplah, tak payah buat sampai 20 ke 30, fasal nak jadi presiden buat parti sendiri, ada dua orang, seorang jadi presiden seorang jadi naib presiden, itu tak ada makna langsung.

“Orang Melayu mesti belajar, politik adalah perkara yang serius. Kita sudah ada empat parti Melayu, kalau ada masalah kemukakan kepada mereka, jangan buat parti lagi,” katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Presiden PH di Bangunan Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Turut hadir, Presiden Parti Keadilan Rakyat, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tan Sri Muhyiddin Yassin; Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng, dan Presiden Amanah, Mohamad Sabu.

Menurut Dr. Mahathir, orang Melayu boleh menyertai UMNO, Pas atau mana-mana parti Melayu sedia ada tidak semestinya Bersatu.

Ditanya kenyataan Presiden UMNO, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi menolak pelawaan

beliau itu, Dr. Mahathir berkata, ahli UMNO boleh menyertai Bersatu kerana yang menolak presiden mereka.

“Presiden nak masuk pun kita tak bagi,” katanya.

Dr. Mahathir turut menjelaskan bahawa pelawaan beliau itu bukan bermaksud beliau takut kehilangan sokongan orang Melayu kepada Pakatan Harapan.

“Menubuhkan parti baharu bukan jawapan kepada masalah yang dihadapi oleh orang Melayu,” jelasnya.

Dr. Mahathir baru-baru ini mempelawa semua parti politik Melayu tempatan untuk menyertai Bersatu bagi menguatkan kuasa politik kaum itu.

Perdana Menteri berkata, perkara itu penting kerana ketika ini parti politik masyarakat Melayu terbahagi kepada enam.

Jelasnya, dulu hanya ada satu parti Melayu iaitu UMNO, tapi kerana tamakkhan kedudukan, hari ini orang Melayu berpecah enam.

“Bukan lagi majoriti 60 peratus, tapi setiap parti hanya 10 peratus sahaja. Saya harap bekas UMNO yang masih dalam UMNO perlu ingat, kita perlu bersatu untuk berjuang apa pun,” katanya.